

# **PENGETAHUAN PEDAGOGI ISI KANDUNGAN (PPIK) GURU BAHASA ARAB SEBUTAN KONSONAN ARAB: KAJIAN KES DI SEKOLAH RENDAH**

(PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE (PCK) OF ARABIC TEACHER ON  
PRONUNCIATION ARAB CONSONANTS: A CASE STUDY AT PRIMARY  
SCHOOLS

Zarima Mohd Zakaria<sup>1</sup>  
Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff<sup>2</sup>  
Fatimah Sou Yan Mei<sup>3</sup>  
Mohd Hilmi Abdullah<sup>4</sup>  
Saipolbarin Ramli<sup>5</sup>

## **Abstrak**

*Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) digambarkan sebagai pengetahuan yang khusus bagi guru dimana ia dapat mengenal pasti pengetahuan subjek bagi guru berbeza daripada yang difahami oleh pakar kandungan subjek. Kajian ini bertujuan untuk meneroka Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) yang perlu dimiliki oleh seseorang guru berkaitan dengan konsep sebutan dari aspek makhraj dan Sifat Huruf. PPIK adalah sejenis pengetahuan yang unik bagi seseorang guru dan ia merujuk kepada cara guru menyampaikan isi kandungan agar mudah difahami dan dapat menggalakkan kefahaman konseptual pelajar. Kajian kes yang melibatkan lima orang guru Bahasa Arab ini, memperoleh data melalui sesi temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan guru Bahasa Arab menyampaikan konsep asas sebutan konsonan dari aspek makhraj dan sifat huruf*

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Muallim, Perak, Tel: +605- 4506284 E-mail: [zarima@fbk.upsi.edu.my](mailto:zarima@fbk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Tel: +603-89216237 E-mail: [nikmrahimi@yahoo.com](mailto:nikmrahimi@yahoo.com)

<sup>3</sup> Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Muallim, Perak, Tel: +605- 4505817 E-mail: [fatimahsuo@fbk.upsi.edu.my](mailto:fatimahsuo@fbk.upsi.edu.my)

<sup>4</sup> Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Muallim, Perak, Tel: +600139205011 E-mail: [mohdhilmi@fbk.upsi.edu.my](mailto:mohdhilmi@fbk.upsi.edu.my)

<sup>5</sup> Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Muallim, Perak, Tel: +605- 4506276 E-mail: [saipolbarin@fbk.upsi.edu.my](mailto:saipolbarin@fbk.upsi.edu.my)

*berdasarkan kefahaman instrumental. Langkah penyampaian berpusatkan guru dan guru adalah model sebutan. Pengaruh sebutan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda merupakan salah satu faktor menyumbang kesalahan sebutan Makhraj dan sifat huruf murid.*

**Kata kunci:** *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK), Makhraj dan Sifat Huruf.*

### **Abstract**

*Pedagogical content knowledge (PCK) is described as a specific knowledge for teachers where they can identify the subject knowledge of teachers is different from that understood by expert content subject. This study aims to explain of pedagogical knowledge and Contents Knowledge (PCK) to be possessed by a teacher in connection with the concept of articulation and pronunciation of letters and charecteristic. PCK is a unique knowledge of a teacher and it refers to the way teachers deliver the content to be easily understood and can encourage student conceptual understanding. Case studies involving five teachers of Arabic, the data obtained through interviews, observations and document analysis. The study found that most Arabic teachers convey basic concepts consonant pronunciation of the letters by makhraj and instrumental understanding. Teacher deliver the topics by using teacher-centered delivery model designation. The effect of designation Malay as their mother tongue is one of the factors contributing pronunciation errors makhraj and characteristic of letters students.*

**Key Words:** *Pedagogical content knowledge (PCK), Makhraj and Characteristic of letter*

2016 GBSE Journal

### **Pengenalan**

Fenomena pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia memperlihatkan masalah sebutan pelajar berlaku dalam pelbagai peringkat pendidikan. Didapati kebanyakan pelajar sukar menguasai sebutan lebih-lebih lagi bahasa Arab yang dipelajari mempunyai sistem bunyi yang berbeza dengan bahasa ibunda. Menurut Amilrudin Ishak (2008), bagi pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua sememangnya berdepan dengan masalah gangguan bahasa ibunda dalam komunikasi. Realitinya, setiap pelajar yang mempelajari bahasa kedua pasti aksan menghadapi masalah dan kesukaran kerana tidak ada dua bahasa yang sama. Malah dalam satu bahasa pun terdapat variasi-variasi dan kelainan-kelainan yang diistilahkan sebagai dialek. Walau bagaimanapun, dengan mendalami bidang fonetik masalah sebutan dalam kalangan pelajar yang bukan penutur Arab dapat diatasi.

Faktor yang seringkali diperkatakan mampu mempengaruhi keupayaan pelajar menguasai sebutan lidah Arab ialah kemampuan guru dalam mengajar bahasa Arab. Ini seperti yang disebutkan oleh Mustafa Che Omar (2004) bahawa aspek kelayakan dan kemampuan

guru mengajar merupakan syarat yang sangat penting dalam kerjaya perguruan bahasa Arab. Ini memandangkan kelayakan dan kemampuan guru mengajar bahasa Arab akan dapat menghasilkan keberkesanan proses pembelajaran kepada pelajar. Menurut Abdul Rahman Md. Hassan (1992) dalam kajian penguasaan sebutan bahasa Al-Quran pelajar mempelajari al-Quran dengan berguru daripada orang-orang tua di kampung yang bukan sahaja tidak terlatih malah kemampuan mereka mengajar sekadar dapat membaca tanpa menepati *makhraj* dan sifat huruf. Jauh sekali dari memahami bahasa Al-Quran iaitu bahasa Arab. Pengajaran mereka masih menggunakan kaedah tradisional iaitu guru membaca, murid mengajuk. Di samping pengajaran utama adalah kepada mengenal konsonan Arab bermula Alif, Ba, Ta dan seterusnya. Kemudian diikuti cara mengeja mengikut kaedah harfiyyah atau Baghdadiyyah seperti Alif di atas A, Alif di bawah I, Alif di depan U ( ا ا ا ). Walaupun kaedah Iqra' telah diperkenalkan dan di guna pakai dalam sistem KBSR dan kini KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) khususnya dalam pembelajaran tilawah al-Quran tetapi pelaksanaannya tidak mengikut disiplin sistem bunyi yang ditetapkan seperti keutamaan menyebut konsonan bertepatan sistem makhraj dan sifat huruf konsonan Arab.

Kelemahan guru dari sudut kemampuan mengajar adalah berkait rapat dari sudut pengetahuan guru dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran. Sebelum seseorang guru menggunakan kemahiran pedagogi yang dimiliki sama ada melalui pengalaman perguruan serta kursus-kursus dan latihan perguruan yang diikuti, guru perlu menguasai ilmu pengetahuan dengan baik supaya penyampaian pengajaran dapat diterima pelajar sebagai pembelajaran ilmu yang berkesan. Menurut Kamarul Azman (1994) antara kelemahan guru bahasa Inggeris adalah guru tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam ilmu itu sendiri. Ini turut dinyatakan oleh Abdullah Hassan (1989) dalam bukunya *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu* yang menyatakan antara masalah pengajaran lisan bahasa Melayu ialah, kegagalan guru menguasai ilmu bahasa yang diajar dengan baik. Manakala N. Siva Subramaniam (2001) dan Zulkifli Hamid (2000) mengatakan masalah guru bahasa Melayu berpunca dari kelemahan pengetahuan guru bahasa Melayu menguasai ilmu pengetahuan yang maksimum tentang isi kandungan pengajaran mereka serta pengetahuan kaedah pengajaran bahasa.

Menurut Ali Muda (2012) kekurangan guru bahasa Arab yang terlatih merupakan isu yang tidak kurang penting menyebabkan isi kandungan sesuatu topik tidak dapat disampaikan dengan baik. Ramai yang berpandangan bahawa apabila seseorang bergelar ustaz dan ustazah dan berkelulusan bidang agama, maka boleh mengajar bahasa Arab. Inilah satu kesilapan yang perlu ditangani oleh pihak berwajib. Kerap berlaku guru yang dilatih di bawah opsyen Pendidikan Islam dihantar mengajar disekolah yang memerlukan guru opsyen Bahasa Arab. Sebaliknya guru yang dilatih di bawah opsyen Bahasa Arab dihantar mengajar di sekolah yang tidak menawarkan subjek Bahasa Arab, lalu mengajar subjek Pendidikan Islam. Hal ini berlaku kerana anggapan ustaz dan ustazah boleh mengajar Bahasa Arab dan Pendidikan Islam. Hakikatnya P&P bahasa Arab untuk pelajar Malaysia memerlukan guru yang cekap dan terlatih dalam pedagogi P&P bahasa untuk bukan penutur. Ini kerana mengajar bahasa ibunda dan bahasa kedua atau bahasa asing mempunyai perbezaan yang besar.

Terdapat juga dalam kajian lain mendapati antara punca kegagalan pengajaran guru bahasa ini adalah kerana beberapa keperluan asas dalam pengajaran dan pembelajaran masih tidak mencukupi seperti tenaga pengajar berwibawa, alat bantu mengajar dan peruntukan masa yang ditetapkan (Abdul Halim Mohd Naam et al. 2005).

Gaya atau metod pengajaran guru yang sering kali menjadi amalan dalam pembelajaran dan pengajaran konsonan Arab peringkat awal pembelajaran adalah hafalan nama-nama konsonan yang dilaksanakan secara latih tubi. Pelaksanaan latih tubi dilihat amat berkesan bagi pelajar mengenal dan membezakan antara 28 konsonan Arab (Harun Baharudin 2009). Namun, dari aspek sebutan konsonan-konsonan tersebut guru tidak mendedahkan kaedah untuk menyebut konsonan dengan makhraj dan sifat huruf yang betul. Justeru dalam kajian ini pengkaji meneroka kaedah pengajaran yang sesuai untuk di aplikasi dalam pembelajaran dan pengajaran sebutan konsonan Arab khusus pada makhraj dan sifat huruf.

## **Latar Belakang Kajian**

### **Konsep Pengetahuan Peadagogi Isi Kandungan (PPIK)**

Shulman (1986) mentakrifkan pengetahuan kandungan pedagogi sebagai sesuatu pemahaman tentang bagaimana hendak menjadikan mata pelajaran khusus boleh difahami oleh pelajar. Pengetahuan kandungan yang berkaitan dengan proses pemahaman mengenai sesuatu topik seperti Akta pendidikan 1996, manakala pengetahuan kandungan pedagogi merupakan suatu keupayaan untuk mewakili sesuatu topik yang dikuasai kepada pelajar agar ilmu yang disampaikan menjadi makna dan literasi dalam kehidupan pelajar. Dalam hal ini, pengetahuan mendalam mengenai Akta Pendidikan 1996 tidak mendatangkan apa-apa makna sekiranya gagal menjadikan topik itu sebagai satu ilmu baru kepada pelajar yang sejajar dengan persekitaran yang dialami.

Menurut Nathan, Koedinger dan Alibali (2001), pemahaman yang mendalam serta memiliki pengetahuan yang tinggi kadang-kadang menyukarkan pendidik merasai kekurangan tahap pemikiran yang dialami oleh pelajarnya. Pendidik yang berketerampilan dalam pengetahuan kandungan pedagogi akan cuba mengenal pasti topik yang sukar dan akan menyampaikan kepada pelajar dengan pengalaman yang konkrit dan akan membawa makna yang sebenar dalam dunia pelajar. Ini penting bagi menjamin pelajar memahami konsep yang sukar tetapi dipermudahkan oleh pendidik dengan cara yang berkesan iaitu konsep abstrak ke konkrit berdasarkan persekitaran yang dimiliki bersama.

Penyampaian topik secara konkrit, seperti fokus kajian ini iaitu sebutan konsonan dari aspek sifat huruf, sangat penting agar pelajar dapat menguasai idea abstrak secara bermakna serta dapat mengaplikasikannya sehari-harian dalam dunia sebenar melalui pelbagai cara.

Berdasarkan kepada pendapat dan dapatan daripada beberapa tokoh penyelidik dalam bidang pendidikan (Shulman 1987, Calderhead 1990, Borko dan Putnam 1996, Cochran 1997, Wiseman et al. 1999, Nik Azis 1999) terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis pengetahuan utama atau pengetahuan profesional yang perlu dimiliki oleh setiap warga pendidik,. Iaitu; a) pengetahuan isi kandungan, b) pengetahuan pedagogi dan c) pengetahuan tentang pelajar.

Pengetahuan isi kandungan adalah satu kefahaman mendalam tentang isi kandungan yang akan diajar. Pendidik tidak berupaya mengajar sekiranya tidak tahu apa yang hendak diajar. Kenyataan ini berkaitan dengan keyakinan diri, dan banyak kajian yang telah dijalankan mengenai perkaitan antara apa yang pendidik tahu dan bagaimana pendidik mengajar (Zahari Ishak 2006).

Menurut Tengku Zawawi (2005) Pengetahuan Pedagogi isi kandungan (PPIK) memainkan peranan yang penting kerana ia menyepadukan isi kandungan dan pedagogi untuk

pembentukan kefahaman tentang bagaimana topik, masalah, isu diorganisasikan, diwakili dan diadaptasikan demi pelbagai minat dan kebolehan pelajar.

Shulman (1987) menjelaskan proses pembinaan PPIK adalah mencakupi beberapa langkah berikut:

a) Kefahaman – Guru-guru perlu menguasai dan memahami apa yang ingin diajar, dan pemahaman tersebut melibatkan pelbagai cara. Guru perlu memahami latar belakang pelajar dan bagaimana tahap perkembangan pelajar boleh mempengaruhi proses pembelajaran.

b) Transformasi – Guru perlu kreatif dalam menyampaikan ilmu dan idea yang telah difahami sebelum ini. Transformasi isi kandungan ke dalam bentuk yang boleh diajar dan disampaikan dengan jelas, dan hasil pembelajaran pula boleh dilihat menerusi komitmen dan respon dari pelajar. Respon yang positif dari pelajar membuktikan isi kandungan pengajaran telah difahami dan proses P&P adalah berkesan.

c) Pengajaran – Dalam pengajaran, bukan sahaja melibatkan penyampaian isi kandungan pengajaran, bahkan mencakupi cara berorganisasi iaitu pengurusan bilik darjah, kawalan kelas, persembahan penerangan dan huraian yang jelas, interaksi dan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar, pujian dan kritikan.

d) Penilaian – Proses semakan dan menilai pemahaman pelajar tentang isi kandungan yang telah diajarkan berdasarkan objektif dan hasil pembelajaran yang diwartakan.

e) Refleksi – Proses ini dilakukan sebagai muhasabah dan merenung kembali pengajaran dan pembelajaran yang telah berlangsung dengan melakonkan semula atau mengingatkan semula peristiwa, emosi dan pencapaiannya. Proses ini menjadikan landasan bagi seorang profesional belajar dari pengalaman dan kesilapan dalam pengajaran. Secara langsung proses ini memperbaiki pengetahuan pedagogi isi kandungan guru.

f) Kefahaman Baru – Melalui langkah-langkah kefahaman, transformasi, pengajaran, penilaian dan refleksi, guru mencapai pemahaman yang lebih jelas tentang isi kandungan dan latar belakang pelajar.

Oleh itu, setiap guru perlu mempunyai kefahaman tentang isi kandungan mata pelajaran untuk tujuan pengajaran. Dengan kata lain, guru perlu memikirkan bagaimana hendak membina jambatan di antara kefahaman guru tentang isi kandungan dengan kefahaman pelajar berkenaan isi kandungan yang sama.


### **Taksonomi Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan**

Shulman (1987) menjelaskan PPIK sebagai pengetahuan khusus yang menggabungkan pengetahuan isi kandungan dan pedagogi melalui kefahaman tentang cara mengajar tajuk-tajuk tertentu mengikut minat dan kebolehan pelajar. PPK merupakan salah satu daripada teras – teras pengetahuan yang harus dimiliki guru, antaranya:

- Pengetahuan isi kandungan (content knowledge)
- Pengetahuan pedagogi am (general pedagogical knowledge)
- Pengetahuan kurikulum (curriculum knowledge)
- Pengetahuan kandungan pedagogi (pedagogical content knowledge)

- Pengetahuan tentang pelajar dan ciri-ciri pelajar (knowledge of learners and their characteristics)
- Pengetahuan tentang konteks pendidikan (knowledge of educational contexts)
- Pengetahuan tentang matlamat-matlamat pendidikan (knowledge of educational ends)

Begitu juga dalam konteks kajian ini, guru bahasa Arab juga perlu menyusun kaedah pengajaran menggunakan model PPIK. Secara asasnya, taksonomi PPIK disusun mengikut aras pengkhususan dengan mengambil kira konteks kurikulum dan pengajaran bahasa Arab, taksonomi am PPIK mengandungi: PPIK am, PPIK bidang khusus dan PPIK topik khusus. Taksonomi PPIK boleh dilihat berdasarkan kerangka model berikut:



- **Rajah 1: Kerangka Taksonomi Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan Veal 1999**

### **Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan Am**

Aras pertama dalam taksonomi ini adalah pengetahuan pedagogikal isi kandungan am (PPK Am). Seorang guru yang mahir dalam PPIK am juga mempunyai kefahaman yang baik tentang konsep pedagogi keseluruhannya.

### **Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan Bidang Khusus**

PPIK bidang khusus adalah lebih jelas berbanding PPK am, kerana ia menjurus kepada satu-satu bidang kepakaran guru. Dalam konteks kajian ini, PPIK bidang khusus adalah PPIK bahasa Arab yang dispesifikkan lagi kepada bidang fonetik iaitu ilmu aswat. Dan ia dapat diaplikasikan dalam kemahiran berbahasa iaitu membaca dan bertutur. Bidang ini memerlukan guru mempunyai pemahaman terhadap kurikulum dan bahan bantu mengajar yang berbeza dan efektif.

## **Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan Topik Khusus**

Tahap ini merupakan tahap yang paling khusus dalam taksonomi PPIK. Secara teorinya pada tahap ini lazimnya guru telah menguasai pengetahuan mendalam dalam PPIK. Setiap topik dan tajuk dalam bidang bahasa Arab melibatkan kaedah dan faktas serta kemahiran konsep dan prinsip. Seorang guru bahasa Arab seharusnya berkemahiran dalam memilih teknik pengajaran, alat bantu pengajaran yang sesuai dengan topik yang diajar supaya mudah difahami dan dikuasai oleh pelajar yang memiliki pelbagai latar belakang dan kebolehan akademik. Pada konteks kajian ini, PPIK topik khusus adalah Makhraj dan Sifat Huruf dalam sebutan konsonan Arab.

## **Metodologi kajian**

Kajian ini menjalankan rekabentuk kajian kes pelbagai kes pelbagai tempat (Yin 1994, Marohaini 2001). Manakala teknik pengumpulan data adalah secara temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan iaitu seramai 5 orang guru bahasa Arab. Analisis yang digunapakai dalam mendapatkan keputusan adalah secara tema dan huraian terperinci.

## **Dapatan Kajian**

### **Dapatan 1: Pengetahuan Konsep Makhraj dan Sifat Huruf dalam Sebutan Konsonan Arab**

Dalam bidang fonetik atau ilmu aswat, komponen pengetahuan guru perlulah merangkumi pengetahuan tentang alat ujaran manusia, bunyi-bunyi yang terhasil dari alat ujaran tersebut, aksara-aksara yang mewakili bunyi-bunyi bahasa yang dipanggil konsonan dan vokal. Tempat pengeluaran bunyi (makhraj) juga meliputi ciri-ciri huruf (sifat huruf) .

Dalam topik Sebutan konsonan Arab, kesemua peserta kajian(PK) berkemahiran dan berpengetahuan tinggi tentang konsep makhraj huruf. Namun bagi konsep sifat huruf kesemua peserta kajian tidak dapat menjelaskan dengan tepat. Pengetahuan tentang sifat huruf adalah setakat pemahaman umum dan hanya berdasarkan pengetahuan asas semasa pembelajaran ilmu tajwid, dan tidak berpengetahaun tinggi dalam bidang ilmu fonetik Arab.

Justeru pengetahuan yang tinggi terhadap topik sebutan konsonan amat diperlukan bagi seorang guru bahasa Arab. Menyentuh topik konsonan Arab, bukan sahaja guru perlu memperkenalkan konsonan-konsonan Arab sebanyak 29 huruf sebagaimana yang terdapat dalam sistem Hijaiyyah atau Alifbaiyyah, malahan apa yang lebih penting adalah kaedah dan cara sebutan yang bagaimana perlu diperkenalkan atau diajar kepada pelajar. Oleh itu, topik ini bukan sahaja memerlukan kepakaran guru dalam menyampaikan topik sifat huruf secara teori, malahan secara praktiknya bagaimana menggerakkan alat pertuturan lidah, mulut rongga pertuturan yang lain demi mencapai kaedah sebutan yang betul dan tepat.

## Dapatan 2: Pemahaman dan Pengetahuan Konsep Makhraj Huruf

Pemahaman dan pengetahuan PK pada konsep Makhraj huruf adalah baik. Ini kerana kebanyakan peserta kajian dapat mentakrifkan makhraj huruf dan juga dapat menyenaraikan organ pertuturan yang terlibat dalam penyebutan konsonan Arab.

Antara daerah sebutan(makhraj huruf) yang disebutkan oleh PK1, PK2, PK3, Pk4 dan PK5 sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual 1.0 dibawah ini:

| Bil. | Makhraj   | Huruf                         |
|------|---|-------------------------------|
| 1.   | Antara dua bibir  | // م / و اب                   |
| 2.   | Bibir bawah dan gigi atas                                       | / ف /                         |
| 3.   | Hujung lidah dan hujung gigi depan atas                         | / ث / ذ / ظ /                 |
| 4.   | Hujung lidah dengan gigi depan atas dan depan lidah dengan gusi | / ض / د / ط / ت / ز / ص / س / |
| 5.   | Hujung lidah dan gusi atas                                      | / ل / ن / ر /                 |
| 6.   | Depan lidah dan langit keras                                    | / ش / ج / ي /                 |
| 7.   | Pangkal lidah dan langit lembut                                 | / ك / غ / خ /                 |
| 8.   | Pangkal lidah dan anak tekak                                    | / ق /                         |
| 9.   | Rongga tekak  | / ع / ح /                     |
| 10.  | Pangkal rongga tekak  | / هـ / ء /                    |

Jadual 1.0: Makhraj Huruf dan Daerah Artikulasi

## Dapatan 3: Penggunaan Istilah Sifat Huruf

PK masih keliru dan kurang jelas antara konsep sifat huruf dalam batasan ilmu fonetik Arab dan garisan Ilmu Tajwid. Walau hakikatnya sebutan konsonan Arab tetap mempunyai persamaan secara asasnya, namun konsep sebutan dari aspek sifat dan makhraj huruf dalam konteks ilmu fonetik Arab sedikit berbeza sebagaimana yang dibahaskan dalam ilmu Tajwid. Kajian ini membataskan sebutan konsonan Arab dari konteks ilmu fonetik Arab yang perlu ada bagi setiap guru bahasa Arab.

Contohnya huruf Ta / ت / huruf Tho / ط / dan Dal / د / ketiga-tiganya mempunyai persamaan makhraj iaitu antara hujung lidah dan pangkal gigi depan atas. Tetapi PK tidak dapat memberikan sifat huruf bagi ketiga-tiga huruf ini. iaitu; Tho bersifat Itbaq, manakala Ta dan Dal kedua-duanya bersifat menurun.

Sifat huruf juga terbahagi kepada dua kumpulan, kumpulan pertama adalah sifat-sifat berlawanan dan kumpulan kedua, tidak berlawanan. PK1, PK3, PK4 dan PK5 tidak dapat



menyatakan pembahagian sifat huruf sepertimana yang disarankan dalam jadual 1.1 seperti dibawah:

| Bil. | Sifat    | Keterangan   | Huruf-huruf                                    |
|------|----------|--|--|
| 1.   | Majhur   | Pita suara yang terletak di tenggorok bergetar semasa sebutan berlaku                    | اب/ج/د/ذ/ر/ز/ض/ظ/ع/غ/ل/م/ن/و/ي/                |
| 2.   | Mahmus   | Pita suara tidak bergetar semasa sebutan berlaku   | ا/ت/ث/ح/خ/س/ش/ص/ط/ف/ق/ك/ه/                     |
| 3.   | Letupan  | Dentuman yang dilepaskan oleh dua organ ketika bertemu                                   | اب/ت/د/ض/اط/ق/ك/ء/                             |
| 4.   | Geseran  | Dua organ pertuturan bertemu secara tidak rapat dan menghasilkan bunyi desiran           | ا/ث/ح/خ/ذ/ز/س/ش/ص/ظ/ع/غ/ف/ه/                   |
| 5.   | Menurun  | Sebahagian besar dari pangkal lidah merendah ke bawah semasa sebutan                     | ا/ب/ت/ث/ح/ج/خ/ذ/ر/ز/س/ش/ع/ف/ك/ل/م/ن/ه/و/ي/     |
| 6.   | Menaik   | Sebahagian besar lidah terangkat ketika menyebut   | ا/خ/ص/ض/ظ/ع/غ/ق/                               |
| 7.   | Itbaq    | Melengkung keliling lidah ke langit ketika menyebut                                      | ا/ص/ض/ظ/                                       |
| 8.   | Infitah  | Tidak melengkung keliling lidah ke langit semasa menyebutnya                             | ا/ب/ت/ث/ح/ج/خ/ذ/ر/ز/س/ش/ع/غ/ق/ف/ك/ل/م/ن/ه/و/ي/ |
| 9.   | Zhalaqah | Menyebut huruf dengan lancar dan mudah kerana sebahagiannya keluar daripada hujung lidah | ا/ب/ر/ف/ل/م/ن/ا/                               |
| 10.  | Ismat    | Susah dan lambat untuk menyebutnya kerana keluar jauh dari keliling lidah                | ا/ت/ث/ح/ج/خ/ذ/ز/س/ش/ص/ظ/اط/ظ/ع/غ/ق/ك/ه/و/ي/    |

Jadual 1.1: Kumpulan Sifat Huruf Jenis Berlawanan

Manakala jadual 1.2 dibawah ini menjelaskan kumpulan sifat huruf yang tidak berlawanan.

| Bil. | Sifat    | Keterangan  | Huruf-huruf    |
|------|----------|---|----------------|
| 1.   | Geluncur | Suara sederhana ketika menyebut hurufnya iaitu antara letupan dan geseran                   | ا/ر/ع/ل/م/ن/ا/ |
| 2.   | Desis    | Udara yang tertekan keluar dengan laju melalui laluan sempit di antara dua organ pertuturan | ا/ز/س/ص/ا/     |

|     |              |  |             |
|-----|--------------|--|-------------|
| 3.  | Lantunan     | Bergerak-gerak ketika menyebut huruf yang bertanda sukun sehingga kedengaran bunyi lantunan yang kuat          | /ب/ج/د/ط/ق/ |
| 4.  | Melencung    | Udara yang menghadapi gangguan di permukaan lidah keluar melencung melalui tepi lidah                          | /ل/         |
| 5.  | Berulang     | Semasa hurufnya disebut keadaan hujung lidah bergerak berulang-ulang serta bergetar                            | /ر/         |
| 6.  | Berhamburan  | Semasa menyebut hurufnya berhambur angin antara gigi depan dan langit-langit keras                             | /ش/         |
| 7.  | Berpanjangan | Penyebutan hurufnya berpanjangan dari tepi pangkal lidah hingga tepi hujung lidah                              | /ض/         |
| 8.  | Sengauan     | Semasa penyebutan huruf udara keluar melalui rongga hidung   | /ن/م/       |
| 9.  | Afrikat      | Cantuman letupan dan geseran   | /ج/         |
| 10. | Neutral      | Keadaan kedua-dua pita suara yang bertemu rapat dan menyekat laluan udara, kemudian melepaskannya dengan kuat. | /ء/         |

Jadual 1.2: Sifat-sifat Huruf yang Tidak Berlawanan

Manakala hanya PK2 sahaja yang dapat memberikan contoh sifat huruf iaitu sifat huruf mahmus dan majhur. Penggunaan istilah yang digunakan dalam perbahasan ilmu tajwid lebih sinonim pada penggunaan PK2 seperti istilah *ghunnah*(dengung) daripada istilah sengauan (*Al-Anfiyyah*) pada perbahasan *ilmu aswat*(fonetik).

Oleh itu, mempunyai pengetahuan yang tinggi walaupun dalam menyampaikan topik asas seperti konsonan Arab adalah amat penting bagi meningkatkan keterampilan, kredibiliti dan profesionalis guru sebagai pendidik dalam semua peringkat pendidikan. Apatah lagi ilmu dan pengetahuan itu dapat digarap dan disampaikan menerusi pelbagai kaedah dan aktiviti pengajaran yang terkini.

#### Dapatan 4: Pengajaran Topik Makhraj dan Sifat Huruf Sebutan Konsonan

Dapatan temubual PK menerangkan bahawa pengajaran sebutan konsonan lebih banyak menumpukan pengenalan nama-nama konsonan sebanyak 28 huruf. Murid sekadar boleh menyebut dan boleh membezakan antara satu-satu konsonan tanpa dititikberatkan kaedah menyebut huruf dari aspek makhraj dan sifat huruf.

Sedangkan realitinya topik sebutan iaitu cara menyebut konsonan yang tepat sebagaimana yang disarankan dalam pembelajaran tajwid kurang malahan tidak pernah disentuh. Justeru, kurikulum yang dijadikan panduan perlu dinilai semula agar topik yang diajarkan menepati

objektif dan berfaedah kepada pelajar. Guru seharusnya kembali meneliti objektif pengajaran bahasa Arab yang digariskan iaitu mengenalkan makhraj huruf serta sifat huruf dalam aktiviti sebutan perkataan.

Berdasarkan dapatan dari analisis dokumen PK, antara objektif yang perlu ada dalam pengajaran topik sebutan konsonan dari aspek sifat huruf adalah:

1. Memperkenalkan bunyi-bunyi bahasa Arab
2. Memastikan pelajar dapat mengingat perkataan berkenaan melalui gambar
3. Menguji ketepatan ingatan pelajar dan sebutan yang betul
4. Memastikan supaya pelajar mengingati huruf-huruf Hijaiyyah
5. Memastikan supaya pelajar dapat menyebut nama huruf-huruf Hijaiyyah
6. Memastikan supaya pelajar mengenali nama-nama lambang bunyi Bahasa Arab
7. Memastikan supaya pelajar benar-benar mengingati susunan huruf Hijaiyyah
8. Mengenal makhraj huruf dan menyebut huruf-huruf sukar dengan betul
9. Mengenal sifat huruf dan menyebut konsonan-konsonan dari sebutan mudah ke sebutan lebih sukar
10. Menyebut dan membezakan antara bunyi-bunyi yang hampir sama

Dapatan kajian mengenai strategi pengajaran sebutan konsonan pula perlu pelbagai dan kreatif mengikut perkembangan dan kesesuaian kognitif pelajar. Pengetahuan mengenai strategi pengajaran amat penting dalam membantu menjayakan P&P yang berkesan. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, berbagai-bagai-pendekatan dan kaedah dapat digunakan. Tidak ada satu kaedah yang paling baik dan sesuai untuk semua situasi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru perlu bijak memilih kaedah yang difikirkan paling berkesan untuk sesuatu pelajaran yang telah dirancang. Walau bagaimanapun, menurut Azizul Rahman (2010) prinsip asas dalam pengajaran bahasa yang lazimnya diberikan perhatian ialah pengajaran haruslah bergerak daripada mudah kepada yang kompleks, daripada konkrit kepada yang abstrak, daripada yang telah diketahui kepada yang belum diketahui. Oleh itu, dalam konteks pengajaran konsonan Arab, guru perlu menyusun sebutan konsonan bernula dari sebutan yang paling mudah ke sebutan yang kompleks dan Sifat huruf yang bermula dari tahap paling lemah ke tahap yang paling kuat.

Begitu juga dengan teknik pengajaran, PK berpengetahuan dalam memilih kaedah yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar. PK dapat memikirkan bagaimana sesuatu pelajaran itu dapat disampaikan dengan cara yang menarik di samping membangkitkan motivasi supaya pelajar dapat mengikutinya dengan penuh minat dari awal hingga akhir.

Di samping itu, dapatan kajian mendapati bahawa kesemua PK jelas dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan pendidikan, pekerjaan dan kemasyarakatan. Oleh itu, menurut PK2 bahawa guru perlu berpengetahuan dalam merangka strategi pengajaran dan kreatif supaya menghasilkan pelajar yang aktif.

Dapatan dari analisis dokumen kesemua PK menunjukkan bahawa persediaan mengajar merupakan perkara yang amat penting sebelum proses pengajaran dilaksanakan. Didapati PK merancang dan memilih jenis pengajaran yang sesuai. Sukatan pelajaran dan rancangan pengajaran harian pula dijadikan panduan untuk merancang skema pembelajaran dalam mata pelajaran sebutan konsonan Arab dalam topik *huruf hijaiyyah*. Hampir kesemua PK memberi keutamaan terhadap komponen persediaan meliputi perkara-perkara seperti pengetahuan lepas,

objektif pengajaran dan pembelajaran, bentuk aktiviti, penggabungjalinan sumber pengajaran dan pembelajaran, kemahiran, bilik darjah yang kondusif dan penerapan nilai. Melalui dapatan pemerhatian pula, pengkaji dapati PK2, PK3 dan PK4 berkeyakinan dalam menyampaikan isi pengajaran secara bersistem, lancar dan dapat merancang penggunaan ABM/BBM di samping aktiviti-aktiviti susulan.

Menurut PK3, PK4 dan PK5 dalam dapatan temubual bersama mereka penyediaan set induksi hendaklah diserapkan elemen-elemen motivasi. Bagi topik sebutan konsonan Arab guru boleh menayangkan rakaman video lagu-lagu nyanyian huruf hijaiyyah dalam versi bahasa Arab, supaya pelajar boleh meniru cara sebutan lidah Arab. Sekaligus menyuntik semangat pelajar agar dapat membunyikan sebutan dengan fasih mengikut makhraj dan sifat huruf yang betul.

PK1 dan PK3 menjelaskan bahawa aktiviti pembelajaran juga hendaklah memperlihatkan pemeringkatan dan perkembangan isi pelajaran. Contohnya, guru menulis lambang huruf konsonan dan meminta pelajar menyebut konsonan tersebut (dengan menggunakan power point atau kad imbasan). Kemudian, guru meminta pelajar lain membetulkan kesilapan jika berlaku kesilapan sebutan. Seterusnya guru meminta pelajar pula menulis konsonan dan meminta pelajar lain menyebut konsonan tersebut. Dengan ini, pembelajaran berlaku dua hala dan proses timbal balik berlaku. Pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar dapat dipraktikkan sekaligus dapat memberikan ruang kepada pelajar menonjolkan bakat dan kemampuan diri.

Keberkesanan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran amat dipengaruhi oleh penggunaan ABM/BBM. Alat yang digunakan perlu berkait rapat dengan isi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh dapatan pemerhatian semasa pengajaran PK2 menggunakan gambar rajah rongga pertuturan supaya pelajar mengetahui kedudukan sesuatu konsonan dan alat artikulasi yang terlibat dalam penyebutan konsonan. Penggunaan ABM mendorong proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa dalam keadaan terpandu. Bahan-bahan yang dapat dilihat dan disentuh menjadikan pelajar seronok, sekali gus meningkatkan fokus pemerhatian dan pemahaman mereka terhadap topik pengajaran.

Persekitaran fizikal bilik darjah memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut PK1 bilik darjah yang kondusif akan mendorong pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam keadaan ceria. Perlu ada ruang untuk meletakkan hasil kerja pelajar yang terbaik untuk dipaparkan sebagai motivasi dan penaik semangat pelajar.

Seterusnya, PK4 menegaskan sewajarnya perlu bersikap toleransi dalam pengajaran tetapi pada waktu yang sama harus bersikap tegas. Guru harus mampu mengatasi pelbagai masalah di dalam bilik darjah, iaitu dengan menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan.

Justeru, pengetahuan guru dalam merangka strategi pengajaran yang berkesan mampu menghasilkan sebuah proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lebih baik. Pengetahuan pedagogi isi kandungan akan lebih tercapai matlamatnya dengan disertai strategi yang sistematik.

## Dapatan 5: Pengetahuan Tentang Masalah Sebutan Pelajar

Komponen PPK ini merujuk kepada pengetahuan yang perlu ada berkenaan pelajar bagi membantu mengembangkan kefahaman konsep dan penguasaan sebutan pelajar. Ia termasuk mengetahui kemampuan akademik pelajar, minat dan kecenderungan dalam mempelajari bahasa Arab, kesukaran dan kesusialan pelajar dalam memahami topik pembelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa PK memahami apakah sebutan konsonan yang paling sukar dilafazkan oleh pelajar. Apakah punca kesukaran tersebut wujud, adakah faktor kecacatan lisan berlaku seperti faktor keturunan mahupun genetik seperti tidak boleh menyebut konsonan Ra' ر, bahkan dilafazkan dengan bunyi Ghain iaitu 'Gho'. Pengetahuan seumpama ini diakui oleh kesemua PK kerana dalam melatih pelajar menyebut konsonan dengan tepat memerlukan latihan tubi dan latihan yang berterusan kerana bahasa Arab bukanlah bahasa ibunda pelajar. Pengetahuan tentang pelajar akan memudahkan guru memilih pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar.

Tidak dinafikan bahawa, pengalaman mengajar banyak mempengaruhi dan membantu para guru memahami tingkah laku seseorang pelajar. Menurut Tirosh (2000) latihan perguruan yang lengkap dan menyeluruh serta menekankan aspek pengetahuan pedagogi isi kandungan, akan membantu guru-guru memperoleh dan memperkembangkan pengetahuan tentang pelajar.

### 1) Teknik Peniruan Sebutan Guru

Kesemua PK bersepakat menyatakan bahawa guru merupakan model sebutan bagi pelajar. Guru merupakan contoh ikutan terbaik untuk pelajar menguasai sebutan. Pelajar akan mendengar sebutan guru lalu ditiru untuk menghasilkan sebutan yang sama didengarinya.

Menurut PK4 meniru merupakan satu daripada cara kanak-kanak belajar dan cara belajar seperti ini boleh menjadi berkesan apabila disertai dengan ganjaran tertentu. Ada beberapa kelebihan yang boleh diperolehi kanak-kanak melalui pembelajaran cara ini. Pertama, dengan cara meniru, kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu melalui contoh atau model yang terlaksana dalam keadaan sebenar. Kedua, kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu dengan cara yang mudah dan ringkas. Ketiga, kanak-kanak dapat mengelakkan sebarang kegagalan yang mungkin timbul daripada proses cuba jaya.


Ini sejajar dengan teori Albert Bandura yang menyatakan bahawa terdapat tiga bentuk peniruan, iaitu:

- (a) Peniruan secara langsung  
Peniruan ini berlaku secara langsung apabila melihat model (orang lain atau guru) melakukan sesuatu dan pelajar mengikut tindakan yang sama.
- (b) Peniruan sekat lakuan dan tak sekat lakuan  
Peniruan ini melibatkan tindakan yang boleh dilakukan dalam semua situasi (tak sekat lakuan) dan tindakan yang hanya boleh dilakukan dalam situasi tertentu sahaja (sekat lakuan). Contoh peniruan tak sekat lakuan ialah sapaan tidak formal sesuai digunakan dalam situasi tidak formal baik di rumah atau di pasar. Panggilan sapaan ibu, kakak, abang, atuk dan ayah boleh digunakan mengikut kesesuaian. Sebaliknya dalam situasi formal, sapaan hormat dan sapaan formal mengikut gelaran jawatan dan tanggunganjawab formal hendaklah digunakan.

(c) Peniruan elisitasi

Peniruan ini melibatkan emosi dan keinginan. Contohnya, apabila melihat orang membuka gerai pisang goreng dan jualannya laku, maka timbul keinginan individu lain untuk memulakan jualan pisang goreng.

Pembelajaran sosial menurut Bandura melibatkan hubungan pengaruh tiga unsur, iaitu persekitaran, individu(kognitif) dan tingkah laku(Ormrod, 2008). Ia boleh dijelaskan dalam rajah 1.1 di bawah:



Rajah 2: Pengaruh tiga unsur dalam pembelajaran sosial Ormrod:2008

Bandura mengemukakan empat langkah untuk membolehkan peniruan berlaku, iaitu:

(a) Tumpuan perhatian

Pelajar hendaklah memerhatikan perlakuan model. Proses pemerhatian ini boleh berlaku berulang kali. Pemerhatian boleh juga ke atas beberapa tingkah laku. Contoh; pelajar memerhati tunjuk cara guru menyebut beberapa konsonan, cara menyebut dan menggerakkan mulut, bunyi yang dihasilkan. Sambil membuat tunjuk cara, guru tersebut turut menerangkan cara sebutan yang dihasilkan.

(b) Penyimpanan dalam Ingatan

Yang diperhatikan disimpan dalam ingatan. Hal ini akan menyebabkan berlakunya proses mental yang melibatkan proses mengenkod, menyimpan dan mendekod.

(c) Pengeluaran

Maklumat, tingkah laku atau kemahiran yang disimpan dikeluarkan dalam bentuk perlakuan. Contoh; pelajar menyebut konsonan dengan beberapa pergerakan mulut yang berbeza dan menghasilkan beberapa bunyi yang berbeza. Pada awalnya, bunyi sebutan tidaklah sebagaimana tingkah laku model atau guru.

(d) Motivasi dan peneguhan

Apabila individu pelajar berasa seronok, berjaya atau mendapat peneguhan daripada orang lain, maka tingkah laku akan diulangi dan dikukuhkan. Contoh; pelajar dapat menyebut konsonan *Syin* dan *Sin* yang bersifat *Hams* dan membezakan antara kedua-dua konsonan ini. Pelajar yang mendapat peneguhan daripada guru dan rakan-rakan akan terus bermotivasi untuk menyebut konsonan yang bersifat *syaddah* dan *rakhawah* pula. Manakala pelajar lain yang memerhati juga akan bermotivasi apabila melihat orang lain mendapat pujian atau ganjaran hasil daripada tingkah laku yang ditunjukkan.

## Perbincangan dan Rumusan

Justeru, teori pembelajaran secara peniruan atau modeling dalam pembelajaran sebutan konsonan Arab membantu pelajar mencapai matlamat pembelajaran fonetik Arab khususnya dalam aspek sifat huruf. Pengulangan peniruan cara sebutan konsonan secara tidak langsung merupakan latihan tubi pelajar sebagaimana yang disarankan oleh Ghazali Darusalam(2001) mengenai teknik sebutan dalam kaedah Iqra' iaitu melalui teknik *al-riyadhiah al-tikrar* iaitu teknik membaca secara latihan tubi atau menyebut berulang kali sehingga betul dan tepat sebutan konsonan. Kesimpulannya, guru bahasa Arab memiliki pengetahuan asas dalam makhraj sebutan Arab dan perlu mempertingkatkan pengetahuan dalam topik Sifat konsonan agar kesempurnaan menyebut sebutan dengan fasih terhasil. Disamping itu, garapan ilmu pengetahuan yang tinggi, serta cara pengajaran yang betul disusuli pengetahuan mengenai kesukaran sebutan pelajar merupakan suatu kewajipan bagi guru bahasa Arab dalam memartabatkan pengajaran bahasa Arab secara global. Kajian ini dapat membantu pihak guru dan pendidik bahasa Arab dalam menerapkan sebutan Arab yang lebih baik kepada murid-murid sejak dari awal pembelajaran lagi sehingga sebutan lidah mereka fasih dan mengurangkan kesalahan pemahaman makna pada si pendengar. Dengan sebutan Arab yang fasih dikalangan pelajar yang bukan penutur asli mampu memartabatkan bahasa Arab di tahap global sejajar dengan bahasa-bahasa komunikasi dunia.

## Bibliografi

- Abdul Rahman bin Md. Hassan. 2000. *Satu Kajian Penguasaan Sebutan Bahasa Al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.
- Abdul Halim Mohd Naam & Muhamamd Azhar Zailani. 2005. *Isu-isu Perlaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah: Daripada Perspektif Kemanusiaan Sejangat*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Sirike 4. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdullah Hassan. 1989. *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka-Kuala Lumpur.
- Ahmad Muhammad Qaddur. 1999. *Mabadi' al-Lisaniyyat*.

Ali Muda. 2012. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi Dari Perspektif Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Amilrudin Ishak.2008. *Strategi Komunikasi dan Kepentingannya Kepada Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia SEBAKA 2008, Universiti Kebangsaan Malaysia-Bangi.

Azizul Rahman Abdul Rahman. 2010. Guru Kreatif Pelajar Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Dlm *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Oleh Azizul Rahman Abdul Rahman, Mohamad Saleeh Rahamad. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Bajuri Babu.2010. *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Berkualiti:Pendidikan Seni Visual Mampu Melahirkan Insan Kreatif*. Dlm buku *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Oleh Azizul Rahman Abdul Rahman, Mohamad Saleeh Rahamad.2010. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Harun Baharuddin.2009. *Penguasaan Sebutan Konsonan Arab dari Segi Makhraj dalam Kalangan Pelajar Prasekolah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia-Bangi.

[http://www.arabic.com.my/newEdit\\_180608/politek/FPfiles/Pelajar...diambil\\_pada\\_17\\_Sept\\_2010](http://www.arabic.com.my/newEdit_180608/politek/FPfiles/Pelajar...diambil_pada_17_Sept_2010). 4.35ptg.

Kamarul Azman. 1994. Dalam Mustafa Che Omar:2004. Masalah Guru dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kerajaan di Malaysia.

Mustafa bin Che Omar. 2004. *Masalah Guru dalam Pengajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kerajaan di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia-Bangi.

N. Siva Subramaniam.2001. Dalam Mustafa Che Omar:2004. Masalah Guru dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kerajaan di Malaysia.

Nathan, M., Koedinger, K. dan Alibali,M. 2001. *Expert blind spot: When content knowledge eclipses pedagogical content knowledge*. Dim.L. Chen et al. (sid.Ed), Proceedings of the Third International Conference on Cognitive Science . Beijing, China:USTC Press.

Norlaila Bulat. 2006. Tahap *Kesediaan Kemahiran dan Pengatahuan Pedagogi Guru-guru PKPG KH dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan kemahiran Hidup, Universiti Teknologi Malaysia.

Shulman, L.S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15 (2), hlm. 4-14.

Shulman, L.S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57 (1), hlm. 1-22.



- Shulman, L.S., & Grossman, P.L. (1988). *The intern teacher case book*. San Francisco, CA: Far Wets Laboratory for Educational Research and Development.
- Tirosh, D. 2000. *Enhancing prospective teachers' knowledge of children conceptions: The case of division of fractions*. Journal for research in mathematics education 30(1): 5-25.
- Zahari Ishak. 2006. *Psikologi Pendidikan: Realiti Pengajaran dan Pembelajaran*. Jurnal Masalah Pendidikan 2006. Universiti Malaya.m/s:27-36
- Zulkifli Hamid .2000. Dalam Mustafa Che Omar:2004. Masalah Guru dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kerajaan di Malaysia.